

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN : NO. 266

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini pembinaan Dewan Bukit Chandan yang telah diluluskan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek membina Dewan Serbaguna Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak telah diluluskan pada 30 Ogos 2017 oleh mantan YAB Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM2.0 juta.

Projek ini telah dibatalkan berdasarkan arahan daripada Kementerian Kewangan melalui surat bil. S/K.KEW/PK/JPM/OE/03 JLD.71 SK.2(9) bertarikh 29 Jun 2018 berkaitan Penambahbaikan Tadbir Urus Dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan yang menyatakan bahawa semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dibatalkan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya pembinaan dewan serbaguna ini merupakan satu projek kritikal dan memanfaatkan rakyat, Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan rayuan kepada agensi yang berkenaan untuk dipertimbangkan semula dengan mengambil kira kewangan Kerajaan semasa.

Sekian, terima kasih.